

KESAN LATIHAN PEMERKASAAN USAHAWAN TERHADAP
KECERDASAN EMOSI DAN BUDAYA USAHAWAN

JIMISIAH BT JAAFAR @ KAMIS

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Pengurusan)

Azman Hashim International Business School
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER 2019

DEDIKASI

“Ya Allah, Sesungguhnya aku memohon daripada Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima”.

Kesyukuran ini kupanjatkan untuk Mu.....

.....Ya Allah, tiadalah yang mudah melainkan yang Engkau jadikannya mudah dan Engkaulah yang menjadikan kesukaran ini mudah bila-bila sahaja yang Engkau kehendaki...

....Khas buat ibunda tersayang Puan Hajah Khadijah Bt Haji Hamzah dan ibunda mertuaku Puan Hajah Manisah Bt Haji Ahmad, terima kasih di atas segala doa untuk kejayaan anak mu ini. Untuk Almarhum ayahanda Tuan Haji Jaafar Bin Mohamad dan Almarhum ayahanda mertua Tuan Haji Sukari Bin Sarjo, semoga ditempatkan disamping orang-orang solehin. Buat suami tercinta Suratman Bin Sukari dan anak-anak tersayang terima kasih di atas segala pengorbanan dan pengertian di sepanjang perjuanganku untuk ku mencapai ketahap ini. Tidak lupa kepada adik beradik, saudara mara dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan semangat kepadaku.

Buat Penyelia yang dihormati Dr Halimah Bt Mohd Yusof terima kasih yang tidak terhingga kerana sabar melayan kerenah, isu-isu dan sentiasa memberikan dorongan tanpa mengira penat lelah kepada ku.

....Sesungguhnya aku redha dan bersyukur di atas segala ketentuan Mu Ya Allah

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur ke hadrat mu Ya Allah kerana dengan limpah kurnianu akhirnya dapat ku menyempurnakan kajian ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr Halimah Bt Mohd Yusof yang sentiasa memberikan tunjuk ajar serta sokongan disepanjang pengajian saya tanpa mengira penat lelah dan waktu bagi memastikan saya dapat menyempurnakan kajian saya ini.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada pihak MARA kerana mengizinkan saya menggunakan usahawan di bawah naungan MARA untuk menjadi responden disepanjang kajian ini dilakukan dan juga kepada usahawan-usahawan yang menjayakan kajian saya ini.

Terima kasih kepada pihak MARA dan Majikan saya Universiti Kuala Lumpur kerana telah menaja pembelajaran saya dan memberikan kelonggaran waktu bekerja disepanjang kajian saya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan dan mereka-mereka yang membantu saya menjayakan kajian saya ini samada secara langsung ataupun tidak langsung.

Semoga kalian semua sentiasa dilindungi Allah dan dimurahkan rezeki.

Aamin...amin...Ya Rabalalamin

ABSTRAK

Latihan keusahawanan kepada individu dan organisasi amatlah penting bagi pembangunan usahawan. Untuk melahirkan modal insan berkualiti, latihan seharusnya dapat memupuk sikap keprihatinan, keberkesanan sendiri dan kesedaran dalam membuat keputusan ketika menghadapi perubahan ekonomi dunia dan negara dalam era pascaglobal ini. Berdasarkan sorotan kajian, kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan kecil adalah rendah dalam mengorientasikan budaya usahawan. Tambahan pula budaya keusahawanan sememangnya agak kurang diterapkan dalam masyarakat hari ini, sedangkan budaya keusahawanan ini amat penting dalam melahirkan insan berniaga yang cemerlang dalam perniagaan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai kesan latihan pemeraksanaan usahawan ke atas kecerdasan emosi dan budaya usahawan di kalangan usahawan bumiputera perusahaan kecil dan sederhana (PKS) daerah Johor Bahru. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian eksperimental ujian pra dan ujian pasca yang mempunyai satu kumpulan eksperimen dan satu kumpulan kawalan dengan tiga puluh responden mewakili setiap kumpulan. Instrumen kajian yang digunakan ialah Soal Selidik Kecerdasan Emosi Bar-On dan Budaya Usahawan Buerah yang terbahagi kepada lima dimensi, iaitu intrapersonal, interpersonal, pengurusan tekanan, kebolehsuaian diri, dan keadaan hati. Manakala Soal Selidik Budaya Usahawan Buerah pula terbahagi kepada dua dimensi iaitu, sikap, dan kemahiran. Kedua-dua kumpulan telah diberikan soal selidik yang sama semasa ujian pra dan ujian pasca tetapi hanya responden dalam kumpulan eksperimen yang diberikan latihan selama dua jam setiap minggu untuk lapan minggu berturut-turut. Ujian-*t* bersandar dan tidak bersandar dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 20 digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan pada kesan latihan pemeraksanaan usahawan terhadap kecerdasan emosi dan budaya usahawan antara nilai min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen dan di antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun tidak terdapat peningkatan pada kecerdasan emosi dan budaya usahawan bagi kumpulan kawalan. Dapatan kajian pada kesan latihan pemeraksanaan usahawan terhadap kecerdasan emosi menunjukkan bahawa kebolehsuaian diri mempunyai skor yang lebih tinggi dalam kalangan kumpulan eksperimen. Pengurusan tekanan dan keadaan hati mengalami peningkatan paling signifikan. Manakala dimensi interpersonal dan intrapersonal tidak mengalami peningkatan yang ketara. Di samping itu, budaya keusahawanan seorang usahawan dan kemahiran usahawan menunjukkan peningkatan yang signifikan. Implikasi dari kajian ini merumuskan bahawa latihan pemeraksanaan usahawan dapat meningkatkan tahap kecerdasan emosi dan budaya usahawan dan seharusnya menjadi sebahagian daripada latihan keusahawanan.

ABSTRACT

Entrepreneurship training for individuals and organizations is very important for the development of entrepreneurs. In order to produce quality human capital, the training should foster a sense of concern, self-efficacy and consciousness in making decisions when it comes to the changing of the world economy and the country in this post-global era. Based on the previous research, emotional intelligence among small entrepreneurs is low in the orientation of entrepreneurial culture. In addition to that, entrepreneurial culture is somewhat less applied in society today although the culture of entrepreneurship is very important in producing excellent business people. Therefore the objective of the study is to evaluate the impact of entrepreneurial empowerment on entrepreneurial emotional and cultural intelligence among entrepreneurs of small and medium enterprises (SME) of Johor Bahru district. This study uses the experimental study of pre-test and post-test experiments with an experimental group and a control group with thirty respondents representing each group. The research instrument used is the Bar-On's Emotion Intelligence Questionnaire and Buerah's Entrepreneurial Culture which is divided into five dimensions, namely intrapersonal, interpersonal, stress management, adaptability, and general mood. Meanwhile Buerah Entrepreneurial Culture Questionnaire is divided into two dimensions namely, attitude, and skill. Both groups were given the same questionnaires during pre-test and post-test but only respondents in the experimental group were given training for two hours each week for eight weeks in a row. The t-test for dependent and independent using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20 was used to analyze data. The findings have shown that there is a significant increase in the impact of entrepreneurial empowerment training on emotional intelligence and entrepreneurial culture between the mean value of pre-test and post-test for experimental groups and between experimental groups and control groups. However, there is no improvement in emotional intelligence and entrepreneurial culture of the control group. The findings of the study on the effect of entrepreneurial empowerment training on emotional intelligence indicate that self-adaptability has a higher score among experimental groups. Stress management and general mood have the most significant increase. Meanwhile the interpersonal and intrapersonal dimensions did not show significant improvement. In addition, the entrepreneurial culture of entrepreneurship and skill shows a significant increase. The implication of this study suggests that entrepreneurial empowerment training can enhance the level of emotional intelligence and entrepreneurial culture and should be part of entrepreneurial training.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xv
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	10
	1.7 Kepentingan Kajian	11
	1.7.1 Sumbangan kepada Bidang Kajian	11
	1.7.2 Sumbangan kepada Usahawan	12
	1.8 Skop Kajian	12
	1.9 Limitasi Kajian	12
	1.10 Definisi Konseptual Dan Operasional Kajian	13
	1.10.1 Latihan Pemerkaasaan Usahawan (LPU)	13
	1.10.2 Kecerdasan Emosi	14
	1.10.3 Budaya Usahawan	16
	1.10.4 Usahawan	16
	1.10.5 Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)	17

	1.10.6	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	18
	1.11	Rumusan	19
BAB 2		SOROTAN LITERATUR	21
	2.1	Pengenalan	21
	2.2	Latihan Pemerkasaan Usahawan (LPU)	21
	2.2.1	Definisi Latihan	22
	2.2.2	Kepentingan LPU kepada Usahawan dalam Organisasi	23
	2.2.3	Latarbelakang LPU	26
	2.2.4	Teori Pembelajaran Dalam Latihan	30
	2.2.5	Model Latihan	31
	2.2.5.1	Model Prinsip Pengajaran Pertama Merrill (2002)	31
	2.2.5.2	Model Reka Bentuk Pengajaran ADDIE	32
	2.2.5.3	Model Sistem Pengajaran Reka Bentuk Banathy (Banathy, 1968)	33
	2.2.5.4	Kerangka Teoretikal Model Nadler, Designing Training Programs: The Critical Events (1983)	34
	2.3	Kecerdasan Emosi	36
	2.3.1	Definisi Kecerdasan Emosi	36
	2.3.1.1	Definisi Kecerdasan Emosi oleh Mayer Dan Salovey	36
	2.3.1.2	Definisi Kecerdasan Emosi oleh Goleman	37
	2.3.1.3	Definisi Kecerdasan Emosi Oleh Bar-On	37
	2.3.1.4	Definisi Kecerdasan Emosi oleh Pengkaji-Pengkaji Lain	37
	2.3.1.5	Penjelasan Takrifan Asas Kecerdasan Emosi	38
	2.3.1.6	Latar Belakang Teori	39
	2.3.1.7	Model Kecerdasan Emosi	40
	2.3.1.8	Model Salovey dan Mayer:	

	Model Keupayaan Kecerdasan Emosi	41
	2.3.1.8.1 Cawangan Pertama: Persepsi Pentaksiran dan Luahan Emosi	42
	2.3.1.8.2 Cawangan Kedua: Penggunaan Emosi / Memudahcara Emosi	43
	2.3.1.8.3 Memahami Emosi dan Mengamal Pengetahuan Emosi dalam Hubungan Interpersonal	43
	2.3.1.8.4 Kesepaduan Pengurusan Emosi sebagai Penggalak Perkembangan Intelek	44
	2.3.1.9 Model Kecerdasan Emosi-Sosial (Bar-On, 1997)	45
	2.3.1.10 Model Kompetensi Kecerdasan Goleman (1995, 1998)	48
	2.3.1.11 Komponen Intrapersonal Kesedaran Kendiri dan Pengurusan Kendiri	50
	2.3.1.12 Kompetensi Interpersonal – Kesedaran Sosial dan Kemahiran Sosial	51
	2.3.1.13 Pengukuran Kecerdasan Emosi	52
	2.3.1.14 Multi-Factor Emotional Intelligence Scale (MEIS) atau Mayer, Salovey & Caruso Emotional Intelligence Test (MSCEIT)	54
	2.3.1.15 Inventori Bar-On / EQ-I (Bar-On Emotional Quotient Inventory (<i>EQ-i</i>))	56
	2.3.1.16 Inventori Kompetensi Emosi ECI (Emotional Competence Inventory - ECI)	57
	2.3.1.17 Pemetaan Kecerdasan Emosi (EQ-Map)	58
	2.3.1.18 Kepentingan Kecerdasan Emosi kepada Usahawan	59
2.4	Budaya Usahawan	60
	2.4.1 Definisi Budaya Usahawan	60
	2.4.2 Teori Asas Budaya Usahawan	65
	2.4.2.1 Kepentingan dan Kelemahan Budaya Usahawan Bumiputera	71
	2.4.2.2 Budaya Niaga dalam Kalangan Bumiputera di Malaysia	72
2.5	Usahawan	73

2.5.1	Cabaran Usahawan Bumiputera	76
2.5.2	Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)	78
2.6	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	79
2.7	Penjajaran Elemen Kecerdasan Emosi dan Budaya Usahawan	80
2.7.1	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Budaya Usahawan Mengikut Dimensi	80
2.7.2	Efikasi Kendiri dan Kecerdasan Emosi	81
2.7.3	Efikasi Kendiri, Kecerdasan Emosi dan Niat Keusahawanan	81
2.7.4	Kemampuan Keusahawanan, Konsistensi, Keberanian dan Kecerdasan Emosi	83
2.7.5	Membuat Keputusan, Komunikasi dan Kecerdasan Emosi	88
2.7.6	Kemahiran Komunikasi dan Kecerdasan Emosi	92
2.7.7	Kecerdasan Emosi dan Keberanian	93
2.7.8	Kecerdasan Emosi dan Konsisten, Kegigihan, dan Semangat Keberanian	93
2.8	Kajian-kajian Lepas	94
2.8.1	Kajian- Kajian Lepas Menggunakan Kaedah Kuantitatif	94
2.8.2	Kajian- Kajian Lepas Menggunakan Kaedah Eksperimen	99
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	101
2.9.1	Kerangka Komponen Kecerdasan Emosi (EQ) Bar-On	102
2.9.2	Kerangka Komponen Budaya Usahawan	103
2.10	Rumusan	104
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	105
3.1	Pengenalan	105
3.2	Reka bentuk Kajian	105
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	108
3.4	Prosedur Penyelidikan	109
3.4.1	Peringkat 1: Sesi Penerangan	110

3.4.2	Peringkat 2: Surat Persetujuan Penglibatan Diri	110
3.4.3	Peringkat 3: Ujian Pra	111
3.4.4	Peringkat 4: Fasa Latihan	111
3.4.5	Peringkat 5: Ujian Pasca	112
3.5	Latihan Pemerkasaan Usahawan	112
3.5.1	Objektif Latihan Pemerkasaan Usahawan (LPU)	113
3.5.2	Modul Latihan Kecerdasan Emosi	114
	3.5.2.1 Sesi Latihan Pemerkasaan Usahawan (LPU)	121
	3.5.2.2 Sesi Minggu Pertama	121
	3.5.2.3 Sesi Minggu Kedua	122
	3.5.2.4 Sesi Minggu Ketiga	124
	3.5.2.5 Sesi Minggu Keempat	125
	3.5.2.6 Sesi Minggu Kelima	126
	3.5.2.7 Sesi Minggu Keenam	128
	3.5.2.8 Sesi Minggu Ketujuh	130
	3.5.2.9 Sesi Minggu Kelapan	131
3.6	Instrumen Kajian	132
3.6.1	Makluman Demografi	133
	3.6.1.1 Alat Kajian Kecerdasan Emosi (KE-i)	133
	3.6.1.2 Alat Kajian Budaya Usahawan (BU-i)	134
3.7	Kajian Rintis	137
3.7.1	Dapatan Analisis Kajian Rintis	139
3.8	Keesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	140
3.9	Pembolehubah Kajian	141
3.9.1	Pembolehubah bebas (Latihan Pemerkasaan Usahawan)	142
3.9.2	Pembolehubah Bersandar (Kecerdasan Emosi dan Budaya Usahawan)	142
3.9.3	Pembolehubah Luaran	142
3.9.4	Mengawal Bias	143
3.10	Analisis Data	144

3.11	Pengujian Hipotesis	145
3.12	Ujian- <i>t</i>	146
3.13	Ukuran Kesan	147
3.14	Andaian Statistik Parametrik	148
3.15	Eksplorasi Analisa Data	148
3.16	Outliers dan Normaliti Data	148
3.17	Homogeniti Varians	150
3.18	Rumusan	152
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	153
4.1	Pengenalan	153
4.2	Analisis Terhadap Demografi Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Usahawan Johor Bahru	154
4.2.1	Latar Belakang Peserta	154
4.3	Analisis Perbezaan Tahap Kecedersan Emosi dan Budaya Usahawan bagi Ujian Pra Pasca Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	158
4.4	Analisis Ujian <i>t</i> bagi Hipotesis Kajian	162
4.4.1	Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan eksperimen antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca	162
4.4.2	Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan kawalan antara ujian pra dengan ujian pasca.	164
4.4.3	Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU bagi nilai min ujian pasca kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.	166
4.4.4	Ho4: Tidak Terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan eksperimen antara ujian pra dengan ujian pasca.	167

4.4.5	Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan kawalan antara ujian pra dengan ujian pasca.	168
4.4.6	Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap nilai min ujian pasca budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.	170
4.5	Rumusan Analisis Ujian t bagi Hipotesis Kajian	171
4.6	Maklumbalas Peserta	171
4.7	Rumusan	173
BAB 5	KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	175
5.1	Pengenalan	175
5.2	Ringkasan Kajian	176
5.3	Kesan LPU Terhadap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Usahawan Bumiputera Antara Ujian Pra Dengan Ujian Pasca.	177
5.4	Kesan LPU Terhadap Budaya Usahawan Dalam Kalangan Usahawan Bumiputera Antara Ujian Pra Dengan Ujian Pasca.	182
5.5	Implikasi Kajian	185
	5.5.1 Implikasi Teoretikal	186
	5.5.2 Implikasi Praktikal	186
5.6	Batasan Kajian	188
5.7	Cadangan Kepada Pengkaji-pengkaji Akan Datang	189
5.8	Penutup	190
	RUJUKAN	193
	SENARAI PENERBITAN	239

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Definisi Perusahaan Kecil Dan Sederhana	17
Jadual 2.1	Model Kecerdasan Emosi Bar-On atau Model Kompetensi EQ-i	44
Jadual 2.2	Pengukuran Untuk Penggunaan Kecerdasan Emosi	52
Jadual 2.3	Kajian Semula Definisi Usahawan dan Keusahawanan	72
Jadual 2.4	Aspek Kecerdasan Emosi dan Mengambil Keputusan	88
Jadual 3.1	Senarai Panel Kesahan Modul Latihan	114
Jadual 3.2	Jadual Latihan Pemerksaan Usahawan	115
Jadual 3.3	Pecahan Item dalam Soal Selidik Mengikut Dimensi (KE- <i>i</i>)	132
Jadual 3.4	Pecahan Item dalam Soal Selidik Mengikut Dimensi (BU- <i>i</i>)	133
Jadual 3.5	“The Exploration of the Relationship between Taiwanese Executive Style and Knowledge Management Practice in Mainland China” University of Incarnate Word)	136
Jadual 3.6	Nilai Pekali Kebolehpercayaan KE- <i>i</i>	137
Jadual 3.7	Nilai Pekali Kebolehpercayaan BU- <i>i</i>	137
Jadual 3.8	Senarai Panel Kesahan Intenvori	139
Jadual 3.9	Langkah-Langkah Mengawal Ancaman Pembolehubah Luaran Terhadap Kesahan Dalam Kajian Eksperimen	141
Jadual 3.10	Jadual Hipotesis Kajian	143
Jadual 3.11	Skor Statistik Deskriptif Kecerdasan Emosi	147
Jadual 3.12	Skor Statistik Deskriptif Budaya Usahawan	148
Jadual 3.13	Ujian Levene’s Untuk Keseimbangan Varians Untuk Skor Ujian Pra Kecerdasan Emosi Bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	149
Jadual 3.14	Ujian Levene’s Untuk Keseimbangan Variasi Untuk Skor Ujian Pra Budaya Usahawan Bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	150
Jadual 4.1	Perbandingan Latar Belakang Usahawan Daerah Johor Bahru Mengikut Kumpulan Kajian	153

Jadual 4.2	Perbandingan Tahap Kecerdasan Emosi dan Budaya Usahawan bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca dalam Setiap Kumpulan	157
Jadual 4.3	Perbezaan Min Skor Kecerdasan Emosi Bagi Kumpulan Eksperimen	158
Jadual 4.4	Perbezaan Min Skor Budaya Usahawan Bagi Kumpulan Eksperimen	158
Jadual 4.5	Perbezaan Min Skor Kecerdasan Emosi Bagi Kumpulan Kawalan	159
Jadual 4.6	Perbezaan Min Skor Budaya Usahawan Bagi Kumpulan Kawalan	160
Jadual 4.7	Kesan LPU terhadap Dimensi Kecerdasan Emosi Kumpulan Eksperimen Usahawan Bumiputera Johor Bahru antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca	161
Jadual 4.8	Kesan LPU terhadap Kecerdasan Emosi Kumpulan Kawalan Usahawan Bumiputera, Johor Bahru antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca	163
Jadual 4.9	Kesan LPU terhadap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Usahawan Bumiputera Johor Bahru bagi ujian pasca antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan	165
Jadual 4.10	Kesan LPU terhadap Budaya Usahawan Kumpulan Eksperimen Usahawan Bumiputera Johor Bahru antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca	165
Jadual 4.11	Kesan LPU terhadap Budaya Usahawan Kumpulan Kawalan Usahawan Bumiputera Johor Bahru antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca	167
Jadual 4.12	Kesan LPU terhadap Budaya Usahawan Dalam Kalangan Usahawan Bumiputera Johor Bahru Bagi Ujian Pasca Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan	168
Jadual 4.13	Rumusan Analisis Min Hipotesis	169
Jadual 4.14	Keputusan Maklumbalas Peserta	170
Jadual 4.15	Ringkasan Dari Dapatan Kajian	172

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Kerangka Teoretikal Model Latihan Peristiwa Kritis	33
Rajah 2.2	Model Empat Cawangan Rangkaian Kecerdasan Emosi Mayer & Salovey (1997).	40
Rajah 2.3	Penyelarasan Secara Rasional EQ Mayer & Salovey (1997) dan Kerangka Bloom	43
Rajah 2.4	Komponen dan Dimensi Kecerdasan Emosi Bar-On	46
Rajah 2.5	Model kompetensi kecerdasan emosi Goleman (1998)	48
Rajah 2.6	Kerangka Komponen Budaya Usahawan Bagi Kajian Pengkaji	62
Rajah 2.7	Definisi PKS Sumber SME Corp	76
Rajah 2.8	Bilangan penerbitan ilmiah dari 1970 hingga 2013 yang merujuk kepada "emosi / mempengaruhi / mood / suasana hati dan membuat keputusan" (di bar merah) dan peratusan semua penerbitan ilmiah merujuk kepada "membuat keputusan" yang mewakili (garisan biru)	89
Rajah 2.9	Kerangka Konseptual Kajian	100
Rajah 2.10	Kerangka Komponen Kecerdasan Emosi Bar-On	101
Rajah 2.11	Kerangka Komponen Budaya Usahawan Bagi Kajian Pengkaji	102
Rajah 3.1	Aliran Reka Bentuk Kajian	105
Rajah 3.2	Reka Bentuk Kajian Eksperimen	106
Rajah 3.3	Carta Aliran Proses Persampelan	107
Rajah 3.4	Susun Atur Proses Kajian	111
Rajah 3.5	Kerangka Konseptual Kerja Program Latihan Pemerkasaan Usahawan	113
Rajah 3.6	Carta Aliran Mereka Bentuk Inventori Kajian	134
Rajah 3.7	Fomula Ukuran Kesan (Robert Coe, 2002)	145

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik	223
Lampiran B	Modul Latihan Pemerkasaan Usahawan	234

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Laporan Khazanah 2014 menggariskan matlamat, strategi dan visi yang ditetapkan bagi rujukan khususnya usahawan bumiputera Malaysia sebagai dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia. Dalam laporan tersebut Tan Sri Dato' Azman Moktar, Pengarah Urusan Khazanah menegaskan bahawa Khazanah rela bekerjasama dengan pelbagai pihak lain secara kolektif bagi membantu Malaysia mencapai matlamat utama menjadi negara maju berpendapatan tinggi dengan ekonomi mapan dan terangkum di samping pihak Khazanah terlibat sama dalam pembangunan modal insan, sosial dan pengetahuan negara secara berterusan (Laporan Tahunan Khazanah, TKR201, 2014).

Cabaran utama keusahawanan dalam abad ke-21 adalah sangat kompleks. Sungguhpun begitu, keperluan dari segi pembangunan usahawan melalui program latihan keusahawanan kepada individu dan organisasi amatlah dirasakan penting (Argabright, *et. al.*, 2013).

Analisis dapatan kajian Buerah *et. al.*, (2011) menunjukkan terdapat faktor kritikal yang mempengaruhi kepada kejayaan dan kelemahan usahawan bumiputera adalah terhadap latarbelakang diri dan pengalaman, sikap, nilai dan etika keusahawanan, pengetahuan dan kemahiran pengurusan, program pendidikan dan latihan pembangunan keusahawanan dan desakan 'birokrasi' dan persekitaran.

Dalam era keusahawanan hari ini perkembangan perusahaan, kebudayaan, ekonomi dan politik merupakan hasil daripada pengurusan inovatif dan kreatif usahawan dari perspektif ketahanan mental, hubungan emosi dan sosial (Mahmood Ghorbani, *et. al.*, 2012). Cabaran kepada para usahawan adalah bagaimana menangani

maklum balas daripada para pesaing dan pengikut mereka yang berorientasikan budaya usahawan dari segi perubahan anjakan paradigma yang melibatkan personaliti, sikap, mental, kemahiran sosial dan emosi usahawan melalui proses adaptasi persekitaran yang dinamik, kompleks dan cepat berubah (Fakhriyah Hamidianpour, *et. al.*, 2015; Mahmood Ghorbani, *et. al.*, 2012). Kenyataan ini disokong oleh Rohana, (2016) dengan mencadangkan supaya kajian akan datang ditumpukan kepada budaya usahawan sebagai persediaan untuk memulakan perniagaan pada masa hadapan.

Usaha melahirkan usahawan memerlukan komitmen, dedikasi, kebolehan, ketekalan dan amalan yang berterusan ke arah mempraktikkan semangat keusahawanan dalam setiap urusan harian (Yitshaki, 2012). Secara kolektifnya para usahawan di Malaysia khususnya, harus terlibat sepenuhnya secara sedar atau tidak dalam proses inovasi yang berkeupayaan merealisasikan visi, misi dan strategi syarikat, firma atau organisasi berlandaskan aspirasi negara (Laporan Tahunan Khazanah - TKR2014, 2014). Hal ini dikatakan sebagai usaha dan ikhtiar pembudayaan usahawan (Kamarulzaman Ismail & Amaludin Ab. Rahman, 2009). Budaya usahawan individu boleh diasuh dan dididik sehingga melekat seperti “aur dengan tebing” (Kamarulzaman Ismail & Amaludin Ab. Rahman, 2009). Setiap daripada usahawan menyumbang mengikut cara tersendiri dengan sepanjang masa tertumpu kepada matlamat yang sama untuk memacu pertumbuhan negara dan maju ke hadapan seperti pepatah Melayu “merapat sambil belayar, belayar sambil memapan” (Laporan Tahunan Khazanah -TKR2014, 2014; Kamarulzaman Ismail & Amaludin Ab. Rahman, 2009).

Menurut kajian Nuzhath Khatoon (2013) faktor kecerdasan emosi memberikan kesan secara positif kepada kejayaan seseorang usahawan. Terdapat hubungan yang sangat signifikan antara kecerdasan emosi dengan elemen kemahiran keusahawanan (Mohammad Karim, 2012).

Isu ini menarik perhatian pengkaji untuk menumpukan kajian kepada latihan pemeraksanaan usahawan (LPU) terhadap kecerdasan emosi dan budaya usahawan sebagai pemboleh ubah. Secara umumnya, sambil mewujudkan komunikasi yang berkesan antara pihak usahawan dengan para pesaing dan pengikutnya, latihan ini juga membentuk personaliti, sikap, kemahiran, ciri-ciri dan nilai-nilai dalaman ke arah

menjadi usahawan yang kreatif, inovatif dan transformatif, dengan kesepaduan deria emosi, sosial dan kognitif (Fakhriyeh Hamidianpour, *et. al*, 2015).

Berdasarkan tinjauan dapatan dan kajian terdahulu yang dinyatakan di atas, didapati kecerdasan emosi adalah penting kepada usahawan untuk mengukuhkan budaya usahawan. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengkaji dengan menjalani LPU juga dapat membantu meningkatkan keupayaan dan kecekapan budaya usahawan selain daripada meningkatkan kecerdasan emosi usahawan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Cabaran dalam keusahawanan hari ini ialah melayani, mengeksploitasi, menangani dan menyesuaikan diri dengan perubahan secara berterusan mendahului pesaing-pesaing lain (Mahmood Ghorbani, *et al*. 2012;). Tindakan menangani perubahan harus bermula dari titik dalaman modal insan sehingga ke unsur-unsur persekitaran luaran produktiviti ke tahap optimum (Khalili, 2011). Cabaran usahawan menjadi sangat kompleks pada abad 21. Oleh itu pembangunan usahawan dari segi latihan samada kepada individu ataupun organisasi adalah amat penting. (Argaright, *et al* (2013)

Usahawan perlu menyediakan diri dari segi fizikal dan mental serta berkemahiran menyelesaikan masalah atau cabaran. Oleh itu usahawan perlu mengikuti latihan bagi meningkatkan kemahiran fizikal dan mental untuk membina kecerdasan emosi-spiritual untuk meningkatkan semangat dan disiplin diri sebagai seorang usahawan. (Ivancevich, 1998).

Menurut Osman Bakar, (2008) usahawan perlu meningkatkan pengetahuan secara berterusan bagi menghadapi perubahan dan perkembangan dunia perniagaan samada di Barat ataupun Timur yang berkembang dengan pesat masa kini. Iaitu ke arah usahawan pascaglobalisasi dan alaf baharu yang dipengaruhi oleh konflik antara Islam dengan Barat.

Untuk melahirkan modal insan berkualiti, latihan seharusnya dapat memupuk sikap keprihatinan, keberkesanan sendiri dan kesedaran dalam membuat keputusan ketika menghadapi perubahan ekonomi dunia dan negara dalam era pascaglobal ini (Roxana Andreea Mortana *et. al.*, 2014). Buerah dan Zolhildi, (2015) merumuskan kekerapan mengikuti latihan keusahawan dapat mempengaruhi orientasi sikap keusahawanan dalam kalangan usahawan.

Kajian oleh Pachulia dan Henderson (2009) membuat kesimpulan bahawa kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan kecil adalah rendah dalam mengorientasikan budaya usahawan kepada para pekerja. Selain itu, pemilik terlepas pandang atau tidak mengambil kira kepentingan kecerdasan emosi yang membantu mereka dalam autonomi membuat keputusan.

Buerah dan Hussin, (2011) dalam penyelidikan mereka telah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kelemahan budaya usahawan yang meliputi sikap keusahawanan, pengaruh program pendidikan dan latihan keusahawanan.

Menurut Roxana Andreea Mortana, *et al*, (2014) efikasi sendiri mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kecerdasan emosi yang merujuk kepada kekuatan sistem kepercayaan individu yang menjurus kepada kejayaan melaksanakan peranan dan tugas sebagai seorang usahawan.

Manakala dapatan dari kajian Ahmad Esa, (2012) menyatakan masyarakat akan lebih berjaya jika memiliki kecerdasan budaya berorientasikan keusahawanan yang kukuh berbanding dengan masyarakat yang kecerdasan budaya keusahawannya kurang. Oleh itu adalah amat penting mendedahkan usahawan kepada budaya berorientasikan keusahawanan bagi menepati perancangan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berdaya saing dan berdaya kelas pertama.

Dalam kajian ini ada dua bahagian atau elemen iaitu budaya usahawan yang dijadikan pemboleh ubah bersandar yang dikaitkan dengan pemboleh ubah bersandar kecerdasan emosi. Dimensi pemboleh ubah utama budaya usahawan dalam kajian ini ialah sikap dan kemahiran insaniah usahawan. Sikap keusahawanan ini berteraskan

keberanian, kemampunan dan konsisten. Kemahiran keusahawanan pula berteraskan kemahiran berkomunikasi, efikasi sendiri dan membuat keputusan.

Bagi kecerdasan emosi, dimensinya termasuk kesedaran diri secara intrapersonal dan hubungan interpersonal, empati, kemahiran sosial dan simulasi fikiran usahawan seharusnya mempunyai impak secara langsung kepada organisasi pembelajaran dan budaya usahawan (R.Mohamad Zulkifli & M. Mohd Rosli, 2013).

Roxana Andreea Mortana *et. al.*, (2014) menjalankan kajian tentang hubungan peranan campur tangan efikasi diri keusahawanan dengan dimensi kecerdasan emosi serta niat untuk menjadi seorang usahawan mendapati bahawa dua dimensi kecerdasan emosi, iaitu mengawal selia emosi dan penggunaan sepenuhnya emosi secara positif, memberikan kesan positif kepada efikasi sendiri dan niat menjadi seorang usahawan.

Dalam kajian ini, usahawan PKS MARA telah dijadikan peserta kajian untuk melihat kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dan budaya usahawan peserta. Ini adalah kerana pihak MARA hanya menyediakan latihan kemahiran iaitu latihan pembentukan usahawan, pembangunan usahawan resort, penjenamaan & pemasaran, pembangunan kompetensi, kursus gunting rambut inklusif, kursus persolekan, kursus 'Baker Super', pengurusan perniagaan, perakaunan, operasi dan pengeluaran, pembangunan mekanik pakar, latihan pembentukan usahawan wanita, pembentukan usahawan digital dan 'HiT Stylista.

1.3 Penyataan Masalah

Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan YB Dato' Seri Mohd Redzuan Md Yusof, telah memberikan kenyataan dalam Dewan Rakyat pada 31 Oktober 2018 bahawa Kementerian akan memberikan tumpuan untuk memberikan latihan keusahawanan kepada 50,000 graduan dalam usaha kerajaan dalam memupuk sifat keusahawanan dalam kalangan golongan muda. Kementerian sentiasa serius dalam memperkasakan peniaga kecil dan usahawan muda dalam mengharungi cabaran ekonomi semasa.

Menurut beliau lagi kepada pemberita Utusan Malaysia pada 21 Februari 2019 bahawa budaya keusahawanan sememangnya agak kurang diterapkan dalam masyarakat hari ini. Sedangkan budaya keusahawanan ini amat penting dalam melahirkan insan berniaga terutama dalam perniagaan.

Kenyataan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal, Pengguna, (2019) mendapati bahawa antara faktor yang menyumbang kepada kegagalan bumiputera terutama di peringkat mikro dan kecil di dalam sektor ekonomi adalah disebabkan oleh tahap kesediaan produk dan usahawan PKS untuk bersaing di pasaran yang lebih besar serta tidak konsisten dan lemah dari segi pengurusan dan latihan.

Menurut Pengerusi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) Tan Sri Dr Abdul Rahim Tamby Chik (Bernama, 2017) pula, antara punca kegagalan usahawan adalah kerana sikap usahawan yang tidak seirius dalam perniagaan, tiada bimbingan, kurang jaringan, kurang ilmu pengetahuan serta tidak membuat kajian pasaran terlebih dahulu.

Manakala Datuk Sairin Karno, Ahli Dewan Undangan Negeri Liawan pula berkata kelemahan utama golongan usahawan bumiputera adalah kerana kurangnya ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan di mana ramai usahawan bumiputera bijak bertindak secara teori tetapi gagal dari segi praktikal. (Utusan Malaysia, 3 Mac 2012).

Dapatan Dony Abd Latief, (2012) pula menemukan bahawan usahawan bumiputera belum mencapai tahap kejayaan dalam persaingan usahawan bukan bumiputera kerana belum mempunyai budaya usahawan yang mapan dan mantap dan belum berani mengambil risiko. Maka wujud satu amalan budaya usahawan yang negatif.

Pachulia dan Henderson (2009) dalam kajian mereka membuat kesimpulan bahawa kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan kecil adalah rendah dalam mengorientasikan budaya usahawan kepada para pekerja. Malangnya, pembelajaran tentang kecerdasan emosi diberikan setakat tahap pendedahan sahaja, iaitu disentuh

secara umum dan tidak menyeluruh (dari aspek kesepaduan sikap, peribadi, komunikasi, kecerdasan kognitif, kecerdasan emosi, sosial dan spiritual) seperti membincangkan sesuatu di aras kognitif yang kurang bersepadu dengan nilai kecerdasan emosi (Solahuddin Abdul Hamid, 2014). Justeru itu, usahawan harus bangun dengan sikap mengutamakan penggunaan kecerdasan emosi dan kemahiran sosial di samping kecerdasan kognitif secara integrasi dalam menangani kegagalan secara berkesan dengan tekanan yang berterusan dan tekanan yang sering membelenggu usahawan (Joshua Freedman, 2010).

Kecerdasan emosi ialah satu-satunya kemahiran yang boleh diperolehi dan wajar ditingkatkan melalui pelan tindakan latihan kecerdasan emosi yang mantap (Mortana, *et al.*, 2014). Berdasarkan kajian-kajian lepas oleh pengkaji Barat (Barber, *et al.*, 1999) kajian tentang latihan kecerdasan emosi dan budaya usahawan dalam kalangan para usahawan merupakan sesuatu inovasi latihan yang perlu ditingkatkan kerana kurang diterokai oleh pengkaji-pengkaji lepas.

Kajian Buerah dan Hussin, (2011) mengenal pasti bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi kelemahan budaya usahawan meliputi sikap keusahawanan, pengaruh program pendidikan dan latihan keusahawanan. Tambahan pula, menurut Zaidatul Akmaliah, *et. Al.*, (2004) sebanyak 92% usahawan bumiputera merasakan latihan keusahawanan adalah penting dan mereka telah mula sedar akan kepentingan sesuatu kemahiran tertentu. Oleh itu, adalah lebih baik sekiranya mereka diberikan peluang yang sewajarnya untuk mengikuti program latihan dan pembangunan usahawan yang sempurna. Program latihan pula bukanlah sekadar pendedahan tetapi mempelajari selok-belok perniagaan. Tunggak dan Ahmed, (2015) merumuskan bahawa faktor tahap pendidikan formal dan kekerapan mengikuti latihan keusahawanan mempunyai pengaruh kepada orientasi sikap keusahawanan dalam kalangan usahawan belia bumiputera muslim namun pada kadar yang rendah.

Dalam kajian ini pengkaji telah mengenal pasti bahawa kekurangan latihan berbentuk insaniah, kecerdasan emosi dan budaya usahawan merupakan faktor yang kurang diterokai dalam kajian-kajian keusahawanan sebelum ini.

Justeru itu, para usahawan PKS perlu mengatasi kelemahan mereka tentang peranan kecerdasan emosi yang seharusnya diyakini sebagai teras utama ke arah inovasi keusahawanan yang membawa kepada pertumbuhan, kejayaan dan kemapanan serta akur akan perubahan nilai budaya keusahawanan yang drastik masa kini. Maka, kajian kesan latihan terhadap kecerdasan emosi dan budaya usahawan seharusnya dipelbagaikan dengan lebih empirik dan pragmatik, khususnya penyelidikan yang berteraskan reka bentuk eksperimen dan pemerhatian yang melibatkan kumpulan sasaran yang kritikal dalam masyarakat awam hari ini, seperti usahawan PKS bumiputera.

Kesimpulannya, kajian ini telah menguji keberkesanan LPU terhadap kecerdasan emosi dan budaya usahawan sebelum dan selepas latihan dengan melakukan kajian eksperimen untuk menentukan hasil LPU serta mengatasi kekurangan bukti dan sokongan empirikal daripada sorotan kajian lepas. Latihan yang dijalankan telah diukur untuk menjustifikasikan keperluan program LPU. Hasil kajian ini telah membantu memberikan gambaran berkaitan budaya usahawan dengan kecerdasan emosi di negara ini.

1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji telah mencadangkan beberapa persoalan kajian berdasarkan objektif-objektif kajian. LPU khasnya kepada usahawan bumiputera dapat membantu mereka meningkatkan kecerdasan emosi dan budaya usahawan dalam menguruskan perniagaan dan kehidupan seharian usahawan. Bagi mencapai objektif kajian yang dijalankan, kajian ini perlu menjawab persoalan-persoalan dan hipotesis-hipotesis yang dinyatakan di bawah. Persoalan yang dibina adalah seperti berikut :

LPU dapat membantu usahawan meningkat kecerdasan emosi dan seterusnya berkeupayaan meneruskan perniagaan mereka dengan menerapkan nilai-nilai budaya usahawan yang tinggi. Perkara ini dapatlah dinyatakan dengan soalan-soalan kajian yang berikut:

- (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan eksperimen antara ujian pra dengan ujian pasca?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan kawalan antara ujian pra dengan ujian pasca?
- (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan eksperimen antara ujian pra dengan ujian pasca?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan kawalan antara ujian pra dengan ujian pasca?

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan LPU kepada kecerdasan emosi dan budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera PKS MARA, daerah Johor Bahru. Objektif kajian adalah untuk:

- (i) Mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan eksperimen antara ujian pra dengan ujian pasca.
- (ii) Mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan kawalan antara ujian pra dengan ujian pasca.
- (iii) Mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan eksperimen antara ujian pra dengan ujian pasca.
- (iv) Mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan kawalan antara ujian pra dengan ujian pasca.

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini mempunyai enam (6) hipotesis nul kesemuanya antara kumpulan dan dalam kalangan kumpulan sasaran, iaitu usahawan bumiputera PKS MARA. Kajian ini telah mengkaji kesan LPU dalam kalangan kumpulan eksperimen usahawan bumiputera (KE) berbanding dengan kumpulan kawalan usahawan bumiputera (KK). Dalam bahagian ini terdapat empat (4) hipotesis utama bagi mengkaji kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dan budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera MARA, daerah Johor Bahru.

- H₀1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan eksperimen antara ujian pra dengan ujian pasca.
- H₀2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan kawalan antara ujian pra dengan ujian pasca.
- H₀3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU bagi nilai min ujian pasca terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan usahawan bumiputera antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.
- H₀4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan eksperimen antara ujian pra dengan ujian pasca.
- H₀5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU terhadap budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera bagi kumpulan kawalan antara ujian pra dengan ujian pasca.
- H₀6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan LPU bagi nilai min ujian pasca terhadap budaya usahawan dalam kalangan usahawan bumiputera antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak pengkaji, organisasi keusahawanan, individu usahawan dan orang perseorangan yang ingin memacu kejayaan dalam kerjaya keusahawanan dengan memberikan perhatian kepada elemen-elemen kecerdasan emosi (EQ-i) dan elemen-elemen budaya usahawan sebagai landasan pertumbuhan dan pengembangan ilmu keusahawanan.

1.7.1 Sumbangan kepada Bidang Kajian

Hasil kajian ini bakal menjadi satu bukti tentang kecerdasan emosi Bar-On atau EQ-i (2000) dengan kemajuan usahawan. Informasi yang didapati daripada kajian kesan LPU terhadap kecerdasan emosi dan budaya usahawan mengukuhkan keberkesanan kajian eksperimen dan membantu membentuk kaedah terbaik dalam mereka bentuk modul latihan pemerksaan usahawan yang merangkumi pelbagai aspek iaitu Intrapersonal, Interpersonal, Pengurusan Tekanan, Kebolehsesuaian Diri, Keadaan Hati, Sikap dan Kemahiran.

Kajian ini dapat mengisi jurang sorotan kajian tentang keberkesanan latihan pemerksaan usahawan yang merangkumi kecerdasan emosi dan budaya usahawan kerana kekurangan bukti dan sokongan empirikal daripada sorotan kajian lepas. Penyelidik mendapati bahawa latihan pemerksaan usahawan adalah penting untuk dikaji dengan lebih mendalam dengan melakukan eksperimen kajian untuk menentukan hasil latihan. Kajian ini dapat memperkaya kajian-kajian yang akan datang, khususnya yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dan budaya usahawan di Malaysia. Oleh sebab banyak lagi organisasi di Malaysia ini yang masih tidak peka akan kepentingan kecerdasan emosi dan budaya usahawan dalam kalangan para usahawan bumiputera maka kajian ini diharapkan akan dijadikan rujukan oleh penyelidik akan datang.

1.7.2 Sumbangan kepada Usahawan

Kajian ini berjaya mengesahkan hubungan antara kecerdasan emosi dan budaya usahawan dengan prestasi keusahawanan. Kecerdasan emosi telah dikenal pasti sebagai faktor kritikal dalam meningkatkan budaya usahawan, kualiti dan prestasi usahawan serta kerjaya usahawan yang berjaya. Program dan latihan pemeraksanaan usahawan merangkumi orientasi keusahawanan dalam kalangan usahawan PKS, khususnya usahawan bumiputera yang baharu masuk ke lapangan perniagaan. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan, khususnya oleh usahawan-usahawan bumiputera kerana latihan ini didapati berkesan untuk meningkatkan kecerdasan emosi dan budaya usahawan, maka ia boleh diberikan juga kepada usahawan-usahawan lain di masa akan datang.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini terbatas kepada pemboleh ubah kecerdasan emosi dan budaya usahawan. Para peserta kajian pula terhad kepada usahawan bumiputera PKS yang mendapat bantuan pinjaman daripada MARA dan mempunyai perniagaan di sekitar daerah Johor Bahru. Modul-modul latihan berdasarkan teori kecerdasan emosi Bar-On, teori budaya usahawan Buerah dan sorotan kajian yang berkaitan dengan skop yang dikaji. Pengkaji menggabungkan unsur-unsur kecerdasan emosi berpandukan kepada Bar-On atau EQ-I (Bar-On, 2004) dengan penilaian hasil kajian budaya usahawan PKS (Khalili, 2011). Fokus LPU tertumpu kepada penilaian tentang kesan LPU kepada ciri-ciri pemboleh ubah kecerdasan emosi Bar-On dan budaya usahawan yang terdiri daripada sikap dan kemahiran-kemahiran insaniah usahawan.

1.9 Limitasi Kajian

Usahawan yang terlibat hanya terhad kepada 60 usahawan bumiputera MARA, daerah Johor Bahru. Pengkaji hanya memilih usahawan di daerah Johor Bahru kerana kos penyelenggaraan penyelidikan yang tinggi dan kesukaran untuk mengumpulkan peserta dalam satu masa kerana kesibukan mereka.

